

# Pro M menang 26 kerusi

**Kuala Lumpur:** Pro Mahasiswa (Pro M) Universiti Malaya (UM) menang mudah di universiti tertua negara apabila meraih 26 daripada 43 kerusi pada Pilihan Raya Kampus (PRK).

Kemenangan itu menyaksikan Pro M menebus kekecewaan tahun lalu apabila kalah tipis kepada Penggerak Mahasiswa (Pro Aspirasi) 22-21 selepas dua calon bebas menyertai Pro Aspirasi.

PRK sesi pengajian 2013/2014 UM menyaksikan

Pro Aspirasi hanya meraih 14 kerusi dan selebihnya dimenangi calon bebas.

## Pengundi meningkat

Peratusan pelajar keluar mengundi di UM tahun ini meningkat 15 peratus berbanding hanya 60 peratus berikutan dasar universiti itu yang menggalakkan penuntutnya mengundi apabila membatalkan kuliah selepas jam 1 tengah hari pada hari pengundian semalam.

Proses pengundian berjalan lancar tanpa sebarang insiden tidak diingini sehingga pengumuman keputusan PRK UM diadakan di Akademi Pengajian Melayu jam 6 petang semalam.

Proses bantahan dan rayuan akan dijalankan hari ini bermula jam 9 pagi.

Sementara itu, calon Mahasiswa Putra meneruskan penguasaan di Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila memenangi 29 kerusi berbanding 12

kerusi diperoleh Pro-M dan empat kerusi milik calon bebas.

Malah, 10 kerusi fakulti dimenangi tanpa bertanding oleh calon Mahasiswa Putra iaitu dua kerusi masing-masing di Fakulti Sains & Teknologi Makanan, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Fakulti Sains Pertanian & Makanan Kampus Bintulu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi serta Sekolah Pengajian Siswazah.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata peratusan pelajar keluar mengundi tahun ini meningkat kepada 82.88 peratus berbanding 80 peratus tahun lalu.